
[BIL. 33 JUN 2019](#)

Penyelidik UMP hasilkan alat penyedut madu kelulut

Sekumpulan penyelidik Universiti Malaysia Pahang (UMP) menghasilkan produk '*Sleek Pump*' bagi memudu madu kelulut untuk menyedut madu dengan tidak menjejaskan kualiti madu tersebut.

Ketua Penyelidik, Dr. Mohamad Firdaus Basrawi, 34 yang merupakan Pensyarah Fakulti Kejuruteraan projek ini bermula tahun 2016 dan telah siap sepenuhnya pada tahun 2018.

"Malaysia mempunyai lebih daripada 4,000 penternak madu kelulut di seluruh negara. Di negeri Pahang sahaja, Usahawan Kelulut Pahang (PUKP) adalah seramai 110 orang dan dianggarkan dapat menghasilkan 1,400,000 liter madu setahun.

"Justeru, persatuan ini pernah menyuarakan agar dapat membantu menyediakan kaedah bagi menyedut madu yang mudah dan murah. Maka bermula dari situlah idea penghasilan penyedut madu ini dihasilkan.

"Sebelum ini, pelbagai kaedah yang digunakan untuk menyedut madu antaranya dengan menggunakan peranti manual yang menggunakan *pump*. Namun dengan kaedah tersebut terdapat pelbagai masalah seperti kurang efisien, perlahan dan sebagainya," ujar beliau baru-baru ini.

'*Sleek Pump*' merupakan salah satu alat penyedut madu yang menggunakan bateri dan mudah di bawa ke

Baginya, jika penoreh getah memerlukan pisaunya, bagi penternak kelulut pula perlu memiliki alat penyedut madu berkualiti tinggi.

Ujarnya lagi, pada peringkat awal produk ini digunakan dan diuji oleh seramai 30 penternak daripada Persatuan Usahawan Kelulut Pahang (PUKP).

"Di sinilah mereka mendapat *input* bagi sentiasa menambah baik produk ini. Berdasarkan testimoni yang diterima, *Sleek Pump* laju berbanding produk atau kaedah lain dan baterinya lebih tahan lama.

"Tambahan pula ia akan menghasilkan madu yang kurang berbuih. Kebanyakan penggemar madu tidak mahu madu yang berbuih sehingga kadangkala boleh menyebabkan botol penyimpanan pecah.

“Dengan menggunakan '*Sleek Pump*' sedutan madu dapat dibuat terus dari kantung madu dalam sarang ke dalam botol. Sistem ini dilengkapi bateri yang akan bertahan sehingga empat jam penggunaannya.

Selain itu juga dengan menggunakan '*Sleek Pump*' sedutan madu dapat dibuat terus dari kantung madu dalam sarang ke dalam botol.

Kemudian madu tersebut akan terus masuk ke dalam botol dan tidak perlu untuk menunggu masa untuk pematangan buih.

Jelas beliau lagi, kini produk ini dalam proses untuk dipasarkan dan bagi yang berminat boleh mendapatkan RM600.

“Reka bentuk model ini juga bersifat kompak dan dengan menggunakan '*Sleek Pump*' sedutan madu, kualitinya apabila madu tersebut tidak akan berbuih.

Kumpulan penyelidik ini turut melibatkan penyelidik lain iaitu Dr. Daing Mohamad Nafiz Daing Idris, Dr. M. Abdullah Inrahim Mahmoud Al Anati, Luqman Abdul Halim dan Siti Sarah Shaikh Mohd Raziff.

40 mahasiswa UMP teruja berbuka puasa secara sederhana

Oleh: SITI NURFARMY IBRAHIM, BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT

Berbuka puasa di tempat umum pada 16 Mei 2019 yang lalu sambil ditemani rakan dengan cara sederhana.

buat 40 mahasiswa Universiti Malaysia Pahang (UMP).

Mereka merupakan penerima manfaat biasiswa *MyGift* dan Skwad *MyGift* Universiti Malaysia Pahang (UMP) santai di padang Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) 2 yang merupakan lokasi tumpuan ramai warga Kuan

Turut hadir dalam program ini, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dato' D UMP, Mohd. Jamil Mohd. Jaafar.

Bagi mahasiswa UMP, Syamill Irhamie Shamsudin, 24 daripada Fakulti Kejuruteraan Mekanikal & seumpama ini dapat memberi peluang buat mahasiswa untuk beramah mesra di samping dapat menge maklumat mengenai program yang akan dijalankan pada masa akan datang.

“Peluang berharga ini juga turut memberi peluang dan kesempatan buat mahasiswa beramah mesra de aktiviti dengan mengagihkan kurma kepada komuniti setempat dan memperkenalkan UMP ke khalayak ran

Selain itu katanya, pengalaman berbuka puasa sambil menikmati keenakan juadah khususnya kuih-mu tumpuan ramai ini pastinya menjadi kenangan buatnya apabila menamatkan pengajian nanti.

Sementara itu bagi Nur Syafiqah Omar, mahasiswa FKM yang juga merupakan pemegang manfaat bia Biasiswa berbangga kerana berpeluang menyertai program.

“Malahan melalui program ini juga turut diadakan sesi perkongsian idea dan pendapat bagi penerima m pada semester akan datang.

“Program-program seumpama ini perlu dipergiat dan diperbanyakkan lagi dan tidak seharusnya tert memastikan komuniti dapat mengenali UMP dengan lebih dekat,” katanya.

Padang MPK 2 yang berhampiran dengan dengan masjid negeri merupakan lokasi tumpuan buat warg umat Islam untuk berbuka puasa beramai-ramai di sini.

UMP santuni anak yatim dan asnaf pilih pakaia

Persatuan Wanita Universiti Malaysia Pahang (Matahari) baru-baru ini telah memberikan sumbangan baju kepada 30 keluarga yang memerlukan bantuan menjelang bulan Ramadan di Pasar Raya Mydin, Kuantan pada 30 Mei 2019 yang lalu.

Menurut Presiden Matahari, Profesor Datin Dr. Mimi Sakinah Abdul Munaim, program ini merupakan salah satu inisiatif Persatuan Matahari menjelang bulan Ramadan yang bertujuan untuk meringankan beban keluarga yang memerlukan bantuan menjelang bulan Ramadan.

“Prihatin terhadap nasib mereka, Persatuan Matahari terpanggil untuk sama-sama membantu dengan menyediakan baju dan keperluan asas kepada 30 keluarga yang memerlukan bantuan daripada staf UMP dan orang ramai dengan tajaan sekitar RM120 hingga RM150 seorang.

“Kita membawa anak-anak ini bersama ibu atau bapa mereka ke pasar raya Mydin untuk memilih sendiri baju dan keperluan asas yang diperlukan. Kebanyakan daripada sukarelawan yang terdiri daripada ahli persatuan,” ujarnya.

Turut sama hadir Pro-Pendaftar, Abd Rahman Haji Safie dan Datin Sri Fazia Ali.

Tambahnya lagi, selain program Baju Raya Lebaran, Persatuan Matahari juga turut menyumbangkan keperluan asas seperti beras, gula, tepung, produk minuman Milo, kuih raya dan lain-lain kepada 30 keluarga yang memerlukan sekitar RM120 hingga RM150 seorang dengan meringankan beban golongan asnaf untuk membuat persiapan menyambut Aidil Fitri dengan lebih tenang.

Pihak persatuan juga bekerjasama dengan Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (JHEPA) dalam menjayakan program Baju Raya Lebaran. Pihak Persatuan Matahari juga berkolaborasi dengan JHEPA untuk menyediakan pantry bagi berkongsi kegembiraan buat mahasiswa mendapatkan pakaian secara percuma menjelang Aidil Fitri.

Beliau berharap semua inisiatif persatuan ini dapat membantu golongan yang tidak bernasib baik untuk menyambut Aidil Fitri dengan tenang.

Pihaknya juga merakamkan penghargaan buat penyumbang dan sukarelawan yang menjayakan program ini.

Sementara itu, Siti Aisyah Yusri, 15, berkata, beliau bersama tiga lagi adiknya yang menerima sumbangan baju dan keperluan asas sangat gembira dan tidak sabar untuk menyambut Aidilfitri pada tahun ini dengan pakaian baharu.

Manakala seorang lagi anak yatim, Fatin Nur Hazirah Mohd Wazir, 14, merakamkan penghargaan terima kasih kepada Persatuan Matahari atas sumbangan ini.

“Walaupun arwah ayah tidak berkhidmat lagi di UMP namun kami tetap diingati. Saya berhasrat untuk berpuasa bersama ayah pada hari raya pertama nanti,” katanya.

Baju raya buat mahasiswa UMP

Hampir 1 kontena pakaian kanak-kanak dan dewasa serta pelbagai barangan keperluan lain berjaya diukut oleh mahasiswa UMP Malaysia Pahang (UMP) dan orang ramai sempena Program Jualan Amal Raya *Campus Pantry* di perkarang JHEPA (JHEPA), UMP Kampus Gambang pada 29 Mei 2019 yang lalu.

Program yang masuk tahun kedua ini merupakan inisiatif JHEPA dengan kerjasama Persatuan Wanita UMP dan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) bagi berkongsi kegembiraan menjelang sambutan Hari Raya Aidilfitri tahun ini.

Menurut Pengurus Besar JHEPA, Haryani Abdullah, program ini juga bertujuan untuk membantu mahasiswa yang memerlukan pakaian percuma dan pengunjung juga boleh menyumbang dengan jumlah bayaran yang kecil antara RM 1 hingga RM 5 ke dalam tabung UMP *Campus Pantry* untuk manfaat mahasiswa.

“Pakaian ini telah disumbangkan oleh warga UMP sejak seminggu yang lalu dan kebanyakan pakaian adalah kemeja, seluar kanak-kanak dan dewasa, kain, sejadah serta telekung yang masih baharu serta selesa digunakan,” katanya.

“Program sehari ini terbuka kepada mana-mana mahasiswa dan masyarakat sekitar dan mereka boleh menggunakan pakaian sendiri mahupun keluarga.

“Berbanding penganjuran sebelum ini, selain pakaian percuma pihaknya juga memberi peluang buat mahasiswa menyumbang pakaian sambil beramal,” katanya.

Bagi Pengarah Program, Paridah Mohd. Ali yang juga Pegawai Psikologi Kanan UMP, sungguhpun program ini dijalankan oleh mahasiswa pihaknya berbangga dengan komitmen sukarelawan mahasiswa yang banyak membantu.

“Dalam pada itu, sukarelawan daripada staf JHEPA dan ahli persatuan turut turun padang membantu dalam memastikan hanya pakaian yang sesuai diagihkan.

“Selepas lebih lima jam program berlangsung bermula jam 10 pagi menyaksikan kira-kira 1,000 orang memerlukan barangan diperlukan dan sebanyak RM2,000 sumbangan berjaya dikumpulkan,” katanya.

Sementara itu, Maizatul Masliza Norman, 21, yang merupakan mahasiswa Fakulti Sains & Teknologi Industri UMP atas penganjuran program ini yang membolehkan beliau membawa pulang pakaian sendiri malah menghadiahkannya kepada ibu dan adik-adik di kampung.

Manakala Zuraini Ahmad, 43, yang tinggal di Lepar Hilir berkata, program ini memang ditunggu-tunggu.

Beliau yang mendapat tahu mengenai program ini daripada rakan-rakan yang bekerja di UMP melahirkan pakaian yang sesuai untuk dipakai pada hari raya nanti.

Ujarnya, sumbangan ini besar maknanya buat beliau sekeluarga.

Pelajar sekolah teruja berbuka puasa dengan mahasiswa

Teruja untuk berbuka puasa bersama mahasiswa universiti, seramai 41 orang pelajar tahun 6 dari Sekolah fasilator *MyCilik Serandu* dan mahasiswa UMP Pekan menyertai program berbuka puasa bertempat di Masjid lalu.

Program Cahaya Ramadan *MyCilik Serandu* anjuran *MyGift UMP* ini merupakan aktiviti sebagai menyokong universiti ini.

Program ini merupakan satu inisiatif bagi memberi sokongan dan membantu persiapan pelajar untuk menghadapi (UPSR) pada tahun ini.

Program Cahaya Ramadan *MyCilik Serandu* memberi peluang pelajar sekolah menimba pengalaman dan UMP secara beramai - ramai di Masjid UMP melalui tradisi iftar menggunakan talam.

Pengurus Projek, Muhd Hariz Asyraf Marzuki berkata, program seperti ini amatlah berfaedah kerana menduduki peperiksaan, mereka dapat meluangkan masa bersama dengan abang dan kakak fasilator *My*

"Iftar yang disediakan dalam talam ini menjadi tradisi di universiti yang secara tidak langsung dapat merapakan suasana berpuasa yang berkesan."

"Selain itu juga, melalui kaedah makan bertalam ini senyuman yang terukir di wajah mereka ini ketika makan. Itu adalah kebahagiaan yang tidak dapat diungkapkan dengan kata-kata."

Bagi pelajar sekolah, Muhammad Yaakob Jailani, beliau sangat gembira kerana berpeluang menyaksikan suasana berpuasa bersama dengan abang dan kakak fasilitator.

Selain itu, beliau juga menyimpan hasrat untuk menjejakkan kaki sebagai mahasiswa di menara gading suatu hari nanti.

Program Infak Ramadan #BPACare hulur sumbangan ceria

Oleh: JULIANA MOHD. ALI, BAHAGIAN PENGURUSAN AKADEMIK

Dalam menyemarakkan bulan Ramadan yang penuh keberkatan ini, Bahagian Pemasaran & Pengambilan (UMP) meraikan seramai 44 murid sekolah kurang berkemampuan dan anak yatim yang bersekolah bersempena Majlis Infak Ramadan dan Khatam al-Quran anjuran sekolah berkenaan pada 24 Mei 2019.

Dalam majlis ini, Pengurus Besar Jabatan Pendaftar, Abd. Hamid Majid dan Pengurus Bahagian Pengurusan hadir menyerahkan sumbangan berupa barangan keperluan harian dan persiapan menjelang hari raya serta ucapan selamat.

Menurut Zainuddin, Program Infak Ramadan #BPACare merupakan program tahunan sejak tahun 2017 yang bertujuan untuk membantu pelajar-pelajar yang kurang berkemampuan dan menceriakan kehidupan mereka terutamanya pada bulan Ramadan yang mulia ini.

“Program ini diharapkan dapat mengeratkan lagi hubungan baik dan sinergi UMP dengan pihak luar dan tanggungjawab sosial korporat (CSR) bagi manfaat masyarakat setempat khususnya di Kuala Pahang,” kata

Beliau juga merakamkan penghargaan terima kasih buat warga UMP dan orang ramai yang menyumbang

Begitu juga dengan komitmen staf UMP dan pihak sekolah dalam memastikan program berjalan lancar.

Sementara itu, menurut Guru Besar Sekolah Kebangsaan Serandu, Salmiah Abdul Jalil, keterlibatan sesuatu yang diharapkan.

“Kemudahan fasiliti yang ada di sekolah ini amat kurang bagi menampung bilangan murid yang ada termasuk

“Pihak sekolah juga mengharapkan agar jalinan kerjasama ini dapat diteruskan lagi dengan projek-projejar beliau.

Hadir sama dalam majlis adalah Yang di-Pertua Persatuan Ibu Bapa & Guru (PIBG) Sekolah Kebangsaan

Sidang Editorial

PENAUNG

Profesor Ir. Dr. Wan Azhar Wan Yusoff
nc@ump.edu.my

KETUA EDITOR

Saiful Bahri Ahmad Bakarim
saifulbahri@ump.edu.my

EDITOR

Safriza Haji Baharuddin
[safriza@ump.edu.my](mailto:sufriza@ump.edu.my)

WARTAWAN/PENULIS

Mimi Rabita Abdul Wahit
mimirabitah@ump.edu.my

Nur Hartini Mohd Hatta
nurhartini@ump.edu.my

Nor Salwana Mohammad Idris
salwana@ump.edu.my

PENTADBIR WEB

MOHD SUHAIMI BIN HASSAN
mohdsuhaimi@ump.edu.my

PEREKA GRAFIK

Noor Azhar Abd Rasid
noorazhar@ump.edu.my

JURUFOTO

Khairu Aidilnisha Rizan Jalil
khairul@ump.edu.my

Muhammad Naufal Samsudin
naufal@ump.edu.my

PEMBANTU PENERBITAN

Hafizatulazlin Abd Aziz
lin@ump.edu.my

Sidang Editorial berhak melakukan penyuntingan terhadap artikel yang diterima untuk diterbitkan. Sidang Editorial tidak bertanggungjawab atas kehilangan atau kerosakan data yang diterima. Karya yang disiarkan tidak semestinya mencerminkan pendapat dan sikap Buletin e-CREATE. Karya yang diterbitkan adalah berdasarkan kebenaran Ketua Editor.

Sidang Editorial tidak bertanggungjawab atas kehilangan atau kerosakan data yang diterima.

Segala sumbangan yang dikirinkan sama ada disiarkan atau tidak, adalah hak milik UMP. Karya boleh dihantar melalui e-Mel atau pos kepada penerbit.

EDITOR

Bahagian Komunikasi Korporat
Pejabat Naib Canselor
Canseleri Tun Abdul Razak
Universiti Malaysia Pahang
26600 Pekan
Pahang Darul Makmur
Tel.: 09-424 5000
Faks: 09-424 5055
e-Mel: [safriza@ump.edu.my](mailto:sufriza@ump.edu.my)



5-Star World Class Technological University
www.ump.edu.my



-
- 124 views

[View PDF](#)

Newsletter Image

CREATE

e-newsletter



Universiti
Malaysia
PAHANG
Engineering • Technology • Creativity

Universiti Teknologi Bertaraf Dunia

